

# Tunai janji bantu anak yatim — Dr. M

UM - 16/4/2005: 6

**K**UALA LUMPUR 15 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap pihak-pihak yang menjanjikan bantuan untuk membantu anak-anak yatim di Aceh dan Pulau Nias, Sumatera agar tampil menghulurkan bantuan.

Bekas Perdana Menteri berkata, janji yang dibuat oleh orang perseorangan ataupun syarikat mesti ditunaikan segera kerana anak-anak yatim itu memerlukan bantuan.

“Saya yakin banyak yang bertanya bagaimana untuk menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim.

“Saya harap mereka yang bertanya dan berjanji agar memberi bantuan kepada mereka (anak-anak yatim),” katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian pada majlis pertemuan dengan Mahathir Mohamad, 9, anak yatim dari Panti Asuhan Al-Wasliyah, Pulau Nias dan ketua panti asuhan tersebut, Yorhamun Harefa.

Pertemuan unik membabitkan

dua individu yang namanya sama tetapi berbeza usia dan personaliti serta dipisahkan oleh Selat Melaka telah diatur oleh *Utusan Malaysia* di kediaman bekas Perdana Menteri petang ini.

Pertemuan itu diaturkan setelah wartawan *Utusan Malaysia* yang membuat liputan pasca gempa bumi di Pulau Nias bertemu Mahathir yang kagum dengan Dr. Mahathir dan melahirkan hasrat untuk bertemu dengan bekas Perdana Menteri Malaysia itu.

Dr. Mahathir juga turut melahirkan kekecewaannya dengan beberapa janji yang dibuat tetapi tidak dipenuhi.

“Jangan jadi seperti kes Yasmin, bila surat khabar tidak menyiarkan laporannya (kesukaran hidupnya), orang lupa,” kata beliau.

Kes Yasmin, seorang gadis dari Iraq yang kehilangan kakinya akibat peperangan Teluk pada tahun 2003 pernah satu ketika menjadi berita hangat di negara ini.

Malah, gadis yang tidak berdosa itu pernah dibawa ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan dan bantuan.

Berita itu merupakan rentetan dari beberapa penderitaan orang ramai yang disiarkan oleh akhbar ini.

Malah, pada Januari tahun ini, *Utusan Malaysia* pernah menyiarkan berita lebih 100,000 anak menjadi yatim piatu di Aceh ekoran tsunami pada 26 Disember lalu.

Ekoran pendedahan tersebut, ramai pihak yang tampil untuk membantu, tetapi akhirnya bentuk bantuan yang dijanjikan masih kabur sehingga kini.

Dr. Mahathir berkata, akhbar memainkan peranan utama untuk memberi laporan mengenai kemiskinan dan kesukaran individu supaya orang ramai dapat menghulurkan bantuan.

Tetapi katanya, sekadar janji tidak akan menyelesaikan masalah.



**MAHATHIR** Mohamad memerhati idolanya Dr. Mahathir Mohamad menandatangani buku *Seribu Wajah Dr. Mahathir* yang dihadiahkan kepada anak yatim itu di The Mines, Seri Kembangan, Kuala Lumpur semalam. Turut memerhati ialah Yorhamun Harefa (duduk tiga dari kiri), Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Khalid Mohd.

## Mahathir tumpuan orang ramai di ibu kota

**KUALA LUMPUR** 15 April — Kehadiran anak yatim istimewa dari Pulau Nias, Indonesia, Mahathir Mohamad di sekitar ibu kota hari ini menjadi tumpuan orang ramai yang tampil mahu bermesra dengannya.

Tidak kurang juga mereka yang menemuinya semamata untuk bergambar atau menghulurkan sumbangan ikhlas atas rasa kagum kepada kegigihan kanak-kanak berumur sembilan tahun itu.

Antaranya beberapa peniaga di Jalan Masjid India yang ditemuinya menghulurkan pelbagai buah tangan seperti tali pinggang dan jam tangan sebaik sahaja mengenali kanak-kanak kecil tersebut merupakan Mahathir.

Beliau yang jelas malu-malu ketika menerimanya tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan hadiah tersebut kepadanya.

“Saya mahu menghadiahkan jam tangan ini kepada rakan saya Amrul Faurin di Panti Asuhan,” katanya merujuk kepada jam-jam tangan yang dihadiahkan kepadanya itu.

Kanak-kanak tersebut yang tiba dari Medan semalam, meluangkan masa bersiar-siar dan membeli-belah di sekitar Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum berjumpa dengan idolanya, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mahathir pada sebelah petang.

Mahathir ditemani pengasuhnya yang juga ketua rumah anak-anak yatim Panti Asuhan Al-Wasliyah, Yorhamun Harefa mengunjungi Jalan Masjid India, Menara Kuala Lumpur dan Stesen TV3 di Damansara.

Dalam pada itu, Mahathir turut mendapatkan sepasang baju Melayu berwarna merah jambu untuk dirinya.

Di samping itu, dia juga membantu pengasuhnya memilih pakaian untuk 36 rakannya lain di Panti Asuhan tersebut.

Selepas selesai membeli-belah, Mahathir dibawa melawat Menara Kuala Lumpur bagi menyaksikan pemandangan sekitar Bandar raya Kuala Lumpur.

Mahathir nyata begitu seronok apabila pihak pengu-rusan Menara Kuala Lumpur menghadiahkan potret gambarnya ketika berada di atas Menara Kuala Lumpur.

### Tetamu istimewa

Kemudian, Mahathir bertolak ke Stesen TV3 untuk menjadi tetamu istimewa dalam rancangan *Wanita Hari Ini*.

Dalam rancangan tersebut, Mahathir dipertemukan kembali dengan wartawan TV3, Ruhil Shafinaz Hussein yang pernah menemu bualnya ketika berada di Pulau Nias, Indonesia baru-baru ini.

“Saya mahu Panti Asuhan diselamatkan,” katanya ketika memperkatakan soalan yang akan ditanya kepada Tun Dr. Mahathir.

Beliau yang bercita-cita menjadi seorang doktor, berharap bekas Perdana Menteri Malaysia itu dapat membantu membangunkan Panti Asuhan yang musnah teruk akibat gempa bumi kuat yang melanda Pulau Nias baru-baru ini.



**DR. Siti Hasmah Mohd. Ali** memeluk Mahathir Mohamad sambil diperhati oleh Dr. Mahathir Mohamad di The Mines.